



Fakhrull Halim | [malaysiakini.com](https://www.malaysiakini.com)

YBFM agih makanan pada penduduk PPR, pelajar di kampus

M Fakhrull Halim

Diterbitkan Hari ini 3:41 pm

Tidak melupakan nasib golongan kurang berasib baik, Yayasan Food Bank Malaysia (YBFM) mengagihkan makanan buat mereka yang terkesan akibat pelaksanaan perintah kawalan pergerakan (PKP).

Menurut Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Rosol Wahid, agihan itu diberikan buat golongan kesempitan seperti penduduk Program Perumahan Rakyat (PPR), gelandangan, dan pelajar yang terpaksa tinggal di kampus sepanjang PKP dilaksanakan.


"Jadi diharap masyarakat tak perlu bimbang, ada anak pelajar di universiti, gelandangan dan juga (penduduk) PPR. Jangan risau stok barang (makanan) mencukupi. [...]

"Yang penting, kita tak mahu rakyat kita terkesan (atau) kebuluran, tak dapat makanan.

"Dengan adanya (usaha) Food Bank ini, sedikit sebanyak dapat membantu mengurangkan isu ini," katanya hari ini selepas meninjau pemuatan makanan untuk diagihkan di pusat pengumpulan dan pengedaran makanan, Foodbank Malaysia di Bukit Angkat dekat Kajang.

Turut hadir, ketua pegawai eksekutif YBFM Ab Wahab Long.

Kata Rosol lagi, agihan makanan itu dibuat di 123 kawasan, dengan keutamaan diberikan untuk mereka di Lembah Klang, sebelum diluaskan di pinggir-pinggir bandar.



Fakhru Halim | malaysiakini.com

Rosol yang juga anggota parlimen Hulu Terengganu itu turut memberi jaminan simpanan makanan di YBFM mencukupi untuk sepanjang tempoh PKP dilaksanakan.

"Stok kita ada (cukup untuk) tiga bulan, ada yang enam bulan. Jadi pihak pengurusan Food Bank akan mengatur, barang-barang yang akan (lebih cepat tarikh) luput akan dikeluarkan dahulu," katanya lagi.

Menurut kenyataan YBFM, agihan makanan itu didedar buat 1,000 penerima setiap hari, disasarkan buat isi rumah Program Perumahan Rakyat (PPR), warga emas dan golongan yang terputus sumber pendapatan sepanjang PKP dikuat kuasa.


Selain itu, agihan makanan turut dibuat kepada 38,186 pelajar yang masih tinggal di kampus sepanjang PKP, merangkumi 54 institut pengajian tinggi awam (IPTA), politeknik dan institut perguruan yang mempunyai fasiliti penyimpanan makanan dan dikenal pasti di bawah Program Food Bank Siswa.

Antara bekalan yang disumbangkan termasuklah makanan ruji seperti beras, gula, tepung gandum, minyak masak, dan makanan sampingan seperti roti, biskut, mee segera, air berperisa dan makanan ringan bersesuaian- disumbangkan oleh lebih 100 penderma.

Selain itu, Rosol turut menggesa agar lebih banyak pihak tampil menyumbangkan makanan untuk membela nasib mereka yang kurang bernasib baik.



Fakhrull Halim | malaysiakini.com



Fakhrull Halim | malaysiakini.com

<https://www.malaysiakini.com/news/516969>